

# Keyakinan Diri Dan Kemahiran Insaniah Mahasiswa Melalui Penglibatan Aktiviti Kesukarelawanan

*Self-confidence and Soft Skills Through Students' Participation  
In Volunteerisme Activities*

Saqinah Binti Ab Karim  
<sup>1</sup>Noremy Md Akhir

Pusat Kajian Kesejahteraan Manusia Dan Masyarakat  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: A160787@siswa.ukm.edu.my  
<sup>1</sup>noremy@ukm.edu.my

## ABSTRAK

*Keyakinan diri dan kemahiran insaniah merupakan aspek penting dalam transisi kehidupan mahasiswa. Aktiviti kesukarelawanan merupakan salah satu platform yang berkesan untuk mahasiswa mempraktikkan kemahiran insaniah di samping meningkatkan keyakinan diri mereka. Namun begitu, masih ramai majikan mendapati mahasiswa belum bersedia dalam menempuh alam pekerjaan kerana mempunyai keyakinan diri dan kemahiran insaniah yang masih lemah hingga mengakibatkan graduan gagal untuk mendapatkan pekerjaan. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji keterlibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan, mengukur tahap keyakinan diri dan tahap kemahiran insaniah mahasiswa disamping mengkaji perbezaan keyakinan diri dan kemahiran insaniah di antara mahasiswa yang terlibat dengan kesukarelawanan dan yang tidak terlibat. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dan merupakan kajian berbentuk survey. Borang soal selidik Self-Confidence Questionnaire (SCQ) dan Kemahiran Insaniah diedarkan kepada 269 orang pelajar tahun akhir Fakulti Sains Sosial dan Kumanusiaan, Universiti kebangsaan Malaysia. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for the Sosial Sciences (SPSS). Hasil kajian mendapati seramai 223 orang mahasiswa (82.9%) mengikuti aktiviti kesukarelawanan manakala 46 orang mahasiswa (17.1%) tidak pernah terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan. Dapatan lanjut akan dibincangkan dalam artikel ini. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran insaniah mahasiswa dan seterusnya mengubah perspektif majikan terhadap golongan graduan agar dapat menjamin kesejahteraan masyarakat dan ekonomi negara.*

**Kata kunci:** Keyakinan diri, kemahiran insaniah, kesukarelawanan, pelajar tahun akhir FSSK, kajian kuantitatif

## ABSTRACT

*Self confidence and soft skills is an important aspect of the transitions of life students. Volunteering activities is one of an effective platform for student to practice their soft skill and improve their self confidence. However, most employers find out that the student is not ready in*

*taking up the job, especially in terms of their confidence and soft skills that may result the graduate failed to get a job. Therefore, the objectives of this study are to identify student involvement in the volunteering activities and to measure their level of self confidence and soft skills. Besides, to analysis the difference level of confidence and soft skills between students who are involved and not in volunteering work. This study was conducted in quantitative method by using survey as a research design. Self-Confidence Scale (SCS) and Soft Skills Scale questionare were distributed to 269 final year students at the Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. Data obtained were analyzed by using Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS). The study found out that a total of 223 students (82.9%) had involved in voluntary activities, while 46 students (17.1%) were not involved in volunteering activities. As a conclusion, this study proved that volunteerism increased self-confidence and soft skills of students and change employers' perspective toward graduates as well as to ensure better society and economy of the nation.*

**Keywords:** *Self confidence, soft skills, volunteering activities, final year student, quantitative study*

## 1 Pengenalan

Mohamad Hazrul (2012) menyatakan bahawa majikan berpendapat kualiti graduan masih berada pada tahap yang kurang memuaskan kerana ramai graduan yang cemerlang dalam bidang akademik namun memiliki kemahiran insaniah dan keyakinan diri yang rendah untuk diserapkan ke dalam organisasi. Dengan keluaran graduan yang ramai setiap tahun telah menyebabkan persaingan dalam mencari pekerjaan semakin meningkat.

Menurut kajian yang dijalankan oleh pihak Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), terdapat lima faktor yang menyebabkan graduan sukar untuk mendapatkan pekerjaan iaitu kekurangan kemahiran dan pengalaman kerja, ketidaksepadanan antara keperluan industri dengan bidang pengajian graduan, kurang keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik terutamanya dalam Bahasa Inggeris, sikap negatif sesetengah graduan terhadap pekerjaan dan kurangnya kesedaran tentang kewujudan berbagai-bagai peluang pekerjaan Keyakinan diri dan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa adalah penting terutamanya apabila beralih kepada peringkat dewasa untuk persaingan sihat dalam pencarian pekerjaan setelah bergraduasi.

Menurut Raj (2012), kemahiran ini boleh diaplikasikan oleh individu melalui kemampuan untuk bersikap empati, kerja berpasukan, kepimpinan, komunikasi, bertingkah laku baik, kemahiran bersosial serta kemahiran untuk mengajar. Dengan itu, kajian ini melihat bahawa aktiviti kesukarelawanan merupakan satu platform yang sangat berguna di peringkat universiti untuk mahasiswa meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran insaniah selain mencari pengalaman dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan. Di samping itu, membentuk peribadi mahasiswa demi kepentingan negara.

Menurut Nordin (2011), aspek personaliti tersebut tidak dapat dicapai semata-mata melalui kuliah, tetapi mereka harus mempunyai penyertaan aktif dalam aktiviti sosial dan program-program sukarelawan yang membantu membentuk personaliti diri yang berkualiti tinggi. Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat tahap keyakinan diri dan tahap kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa yang mengikuti dan tidak aktiviti kesukarelawanan.

## 2. Sorotan Literatur

Mahasiswa yang kompeten adalah mahasiswa yang memiliki tahap keyakinan dan tahap kemahiran insaniah yang tinggi. Pesaingan sihat ini menjadi pelaburan yang penting bagi pembangunan sesebuah negara. Kemahiran insaniah ini juga turut dititikberatkan oleh organisasi pendidikan di luar negara dengan mengaitkan kurikulum dengan kemahiran generik yang boleh diperolehi oleh pelajar apabila terlibat dengan aktiviti kurikulum. Antaranya ialah Universiti ICFAI India (2003) telah menggariskan beberapa ciri kemahiran generik yang membantu pelajar apabila terlibat dengan aktiviti kurikulum iaitu membangunkan sikap positif, mengembangkan kebolehan dan kualiti kepimpinan, belajar untuk bekerja dalam persekitaran yang dipenuhi dengan tekanan, mengurus tekanan dengan berkesan, bersatu dalam kumpulan, membangunkan kemahiran bekerja dalam kumpulan, meningkatkan kreativiti, meningkatkan disiplin, meningkatkan tahap keyakinan, menetapkan matlamat, bekerja bersungguh-sungguh dan bekerja berdasarkan orientasi keputusan.

Menurut Rohani (2015), pekerja kini tidak lagi dianggap sebagai buruh sebaliknya ciri-ciri yang tidak dapat diukur pada seseorang pekerja seperti kreativiti, bakat, kepakaran dan komitmen telah dikenal pasti sebagai faktor utama penentu kejayaan dalam ekonomi hari ini. Selain itu, individu kreatif yang mampu memperkenalkan pelbagai inovasi kini telah diiktiraf sebagai aset utama dalam sesebuah organisasi (Bertoncelj, Kovac & Bertoncelj 2009). Hal ini sudah tentunya memberikan cabaran kepada dunia pendidikan hari ini agar mampu untuk melahirkan modal insan yang bukan sahaja berpengetahuan serta berkemahiran tinggi, tetapi juga mempunyai kemahiran insaniah sepertimana yang dikehendaki oleh majikan masa kini untuk bersaing dalam ekonomi dunia yang kian mencabar.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, usaha mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21 telah dirasionalisasikan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelan pembangunan pendidikan yang menyeluruh ini beraspirasikan pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga memiliki kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran bahasa, memiliki nilai etika dan kerohanian yang tinggi serta bangga dengan identiti nasional menurut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Hal ini menunjukkan peranan sesuatu kemahiran penting dalam pembangunan kerana memberikan impak yang besar kepada persekitaran individu. Namun begitu, penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar teknikal hanya tertumpu kepada kemahiran teknikal berbanding aktiviti sosial.

Menurut Ahmad Anuar dan Esa (2010), penekanan aspek kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa bukan sekadar memenuhi kehendak institusi, malah adalah untuk melahirkan modal insan kelas pertama yang mampu berdaya saing, cekap, tahan lasak dan fleksibel apabila berhadapan dengan situasi di alam pekerjaan. Dalam hal ini, ciri-ciri kemahiran insaniah yang ada dalam diri membuatkan seseorang individu mampu untuk menghadapi situasi krisis apabila melaksanakan pekerjaan.

## **2.1 Penglibatan Mahasiswa Dalam Aktiviti Kesukarelawanan**

Melalui penglibatan dalam kesukarelawanan, mahasiswa berpeluang untuk mempraktikkan ilmu di kampus secara lebih konsisten dan juga turut mengisi masa lapang serta mengelakkan mereka daripada aktiviti tidak berfaedah. Menurut Wan, Hisham dan Aizat (2018), berpendapat penglibatan responden secara langsung dalam kesukarelawanan dapat menjauhkan mereka daripada terjebak dengan gejala negatif, lebih berdisiplin, menjalani kehidupan yang lebih teratur dan mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat. Responden mereka turut mendedahkan

pengalaman penglibatan mereka dalam kesukarelawanan telah mematangkan pemikiran dan membuat mereka bertindak secara rasional serta menanam sifat sabar.

### **2.2 Keyakinan Diri**

Menurut Fishbein dan Ajzen (2011), *self-confidence is a belief*, kepercayaan diri adalah sebuah keyakinan. Menurut Soenfield, Hannula, Maijala dan Pehkonen (2004), keyakinan merupakan pemahaman dan perasaan individu yang membentuk sesbuah konsep individu dan perilaku (berfikir rasional, realistik dan objektif). Kepercayaan diri adalah unsur penting dalam meraih kejayaan. Menurut Molloy (2010), kepercayaan diri adalah berasa mampu, tenang dan puas dengan diri sendiri, dan pada akhirnya tanpa perlu persetujuan dari orang lain. Sedangkan kepercayaan diri menurut Nur Ghufron dan Rini (2011), adalah keyakinan untuk melakukan sesuatu pada diri subjek sebagai ciri peribadi yang di dalamnya terdapat kemampuan diri, optimis, objektif, bertanggungjawab, rasional dan realistik.

### **2.3 Kemahiran Insaniah**

Kementerian Pengajian Tinggi (2006) memberi tafsiran kemahiran insaniah sebagai kemahiran generik yang mengandungi elemen kognitif iaitu kemahiran umum yang berkaitan dengan keupayaan seseorang individu untuk berfungsi dan dapat memberi sumbangan secara berkesan sama ada melalui cara berkomunikasi, penyelesaian masalah, pemikiran yang kreatif serta kemampuan bertindak sebagai anggota kerja berpasukan dengan berkesan. Menurut Jumaatol (2006), kemahiran ditafsirkan sebagai kebolehan seseorang individu dalam mempersemprehankan semua aktiviti dari segi fizikal dan mental. Musifar (2014), kemahiran insaniah mahasiswa turut dapat ditingkatkan melalui penglibatan dalam kurikulum seperti badan beruniform dan ia setaraf dengan elemen kesukarelawanan. Hal ini menjelaskan lagi bahawa tahap kemahiran insaniah dapat ditingkatkan melalui penglibatan dalam aktiviti badan beruniform serta aktiviti-aktiviti kesukarelawanan.

## **3. Metodologi**

Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian tinjauan keratan lintang (*cross-sectional survey*) dengan memungut data sekali sahaja daripada suatu sampel pada suatu masa. Kajian yang dijalankan adalah menggunakan set soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu merangkumi Bahagian A yang merupakan soalan yang berkaitan dengan profil demografi responden iaitu jantina, umur, bangsa, agama, program pengajian, fakulti, tahun pengajian, CGPA, status perkahwinan penjaga, jenis media sosial yang diakses dan adakah responden pernah mengikuti sebarang bentuk aktiviti kesukarelawanan. Seterusnya, pada Bahagian B, soal selidik mengandungi soalan berkaitan tahap keyakinan diri yang menggunakan alat ujian *Self-Confidence Scale(SCS)*. Bahagian ini mempunyai 33 soalan bagi melihat tahap keyakinan mahasiswa. Manakala, bagi Bahagian C pula adalah berkaitan Tahap Kemahiran Insaniah yang mengandungi 25 soalan berkaitan tahap kemahiran insaniah yang diambil daripada kajian lepas iaitu soal selidik yang dibangunkan oleh Mohd Hasimi, Mohd Helmi dan Nurhidayani (2017) bagi melihat tahap kemahiran insaniah pelajar. Bahagian B dan C menggunakan skala likert lima (5) dan data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*.

Kajian ini dijalankan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) bagi mendapatkan maklumat kajian. Pemilihan lokasi kajian adalah di Fakulti Sains Sosial Universiti Kebangsaan

kerana pengkaji melihat bahawa pelajar-pelajar di FSSK adalah lebih berkepentingan untuk memiliki keyakinan diri dan kemahiran insaniah yang tinggi berbanding fakulti lain. Rasional pemilihan lokasi tersebut adalah kerana kebanyakan pelajar FSSK terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan.

Populasi bagi kajian ini adalah pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengambil Ijazah Sarjana Muda dan belajar sepenuh masa di UKM. Sampel dalam kajian ini pula adalah melibatkan pelajar tahun tiga Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Pemilihan sampel dilakukan secara rawak agar semua individu dalam kumpulan yang wujud daripada populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan penentuan saiz sampel yang disediakan oleh Krejic dan Morgan (1970).

Kaedah pengumpulan data yang digunakan pengkaji adalah pengumpulan data primer dan sekunder. Bagi mendapatkan data primer, pengkaji mendapatkannya melalui kaedah tinjauan (*survey*). Melalui pengumpulan data primer, soal selidik akan diberikan dan arahan kepada responden disertakan bersama set borang soal selidik. Responden diberikan masa untuk menjawab dan borang yang telah lengkap diisi diserahkan semula kepada pengkaji untuk proses analisis data. Bagi pengumpulan data sekunder, kajian dijalankan bermula dengan kajian terhadap bahan-bahan bertulis seperti buku, jurnal dan sumber daripada internet bagi tujuan mendapatkan maklumat kajian.

Analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan inferensi. Maklumat yang diperolehi melalui soal selidik diproses dan di analisis. Pemprosesan data melibatkan aktiviti-aktiviti mengumpul, mengolah, menganalisis, menyimpan dan mengeluarkan data ke dalam komputer. Di dalam pemprosesan data, pengkaji akan menggunakan perisian *Statistical Packages For the Social Sciences (SPSS)* dengan mengambil kaedah bilangan dan peratusan.

#### 4. Dapatan Dan Perbincangan

Hasil daripada kajian yang dijalankan, berikut adalah taburan demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Maklumat demografi responden dibentangkan seperti dalam jadual 1.0 berikut.

##### 4.1 Demografi Responden

JADUAL 1 Demografi Responden

Demografi	Kategori	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	81	30.1
	Perempuan	188	69.9
Umur	21	4	1.5
	22	49	18.2
	23	205	76.2
	24	8	3.0
	25	3	1.1
Agama	Islam	250	92.9
	Buddha	11	4.1
	Hindu	6	2.2
	Lain-lain	2	0.7

<b>Bangsa</b>	Melayu	244	90.7
	Cina	14	5.2
	India	6	2.2
	Lain-lain	5	1.9
<b>Status Perkahwinan Ibubapa</b>	Berkahwin	214	79.6
	Bercerai	12	4.5
	Ibu/Bapa Tunggal	28	10.4
	Kematian	15	5.6
<b>Program Pengajian</b>	Antropologi dan Sosiologi	37	13.8
	Geografi	31	11.5
	Kerja Sosial	50	18.6
	Pengajian Bahasa Melayu	2	0.7
	Persuratan Melayu	8	3.0
	Psikologi	70	26.0
	Sains Pembangunan	12	4.5
	Sains Politik	28	10.4
	Sejarah	31	11.5
<b>Faktor Keterlibatan</b>	Pengangkutan	34	12.6
	Kewangan	7	2.6
	Masa	69	25.7
	Motivasi	7	2.6
	Tiada	152	56.5
<b>Kekerapan</b>	1-3 kali	183	68.0
	4-7 kali	37	13.8
	7 kali dan ke atas	19	7.1
	Tiada	30	11.2
<b>Keterlibatan Dalam Kesukarelawanan</b>	Ya	223	82.9
	Tidak	46	17.1

**n = 269**

Berdasarkan Jadual 1, bilangan responden paling ramai adalah pelajar perempuan. Seramai 188 orang atau 69.9 peratus adalah pelajar perempuan, manakala seramai 81 orang atau 30.1 peratus adalah pelajar lelaki. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 269 orang pelajar. Secara keseluruhannya, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada kalangan pelajar perempuan. Perkara ini berlaku kerana pengkaji tidak menetapkan jumlah responden lelaki dan perempuan secara sama rata kerana perkara ini memudahkan penyelidikan.

Selain itu, terdapat lima peringkat umur yang berbeza iaitu 21, 22, 23, 24, 25 dengan terdapat seramai 4 orang pelajar atau 1.5 peratus merupakan pelajar berumur 21 tahun. Seramai 49 orang pelajar atau 18.2 peratus adalah pelajar berumur 22 tahun manakala seramai 205 orang pelajar atau 76.2 peratus adalah pelajar berrumur 23 tahun. Seterusnya, seramai lapan orang pelajar atau 3.0 peratus responden berumur 24 tahun manakala seramai tiga orang pelajar atau 1.1 peratus adalah pelajar berumur 23 tahun. Secara keseluruhannya, responden yang berumur 23 tahun adalah responden yang paling ramai manakala responden yang berumur 25 tahun adalah yang paling sedikit.

Di samping itu, kebanyakan responden adalah terdiri daripada agama Islam. Agama Islam mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 250 orang (92.9%). Responden kedua paling ramai adalah agama Buddha iaitu seramai 11 orang (4.1%). Agama Hindu pula mencatatkan jumlah responden seramai enam orang (2.2%) dan diikuti dengan etnik lain-lain seramai dua orang (0.7%). Secara keseluruhannya, majoriti responden beragama Islam dan responden beragama lain-lain merupakan golongan minoriti.

Berdasarkan Jadual 1 juga, kebanyakan responden adalah terdiri daripada agama Islam. Agama Islam mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 250 orang (92.9%). Responden kedua paling ramai adalah agama Buddha iaitu seramai 11 orang (4.1%). Agama Hindu pula mencatatkan jumlah responden seramai enam orang (2.2%) dan diikuti dengan etnik Lain-lain seramai dua orang (0.7%). Secara keseluruhannya, majoriti responden beragama Islam dan responden beragama lain-lain merupakan golongan minoriti.

Seterusnya, berdasarkan Jadual 1.0 majoriti responden mempunyai status ibu bapa yang berkahwin iaitu seramai 214 orang pelajar (76.5%) manakala responden yang tinggal bersama ibu atau bapa tunggal merupakan kedua paling ramai iaitu seramai 28 orang (10.4%). Seterusnya, seramai 15 orang pelajar (5.6%) mempunyai status kematian dan diikuti seramai 12 orang pelajar (4.5%) mempunyai status ibu bapa yang bercerai.

Jadual 1 turut menunjukkan bilangan responden paling tinggi adalah terdiri daripada pelajar Program Psikologi. Jumlah responden daripada Program Psikologi mencatatkan kekerapan setinggi 70 orang (26.0%) daripada keseluruhan responden. Seterusnya diikuti oleh responden daripada program Kerja Sosial seramai 50 orang (18.6%) serta Antropologi dan Sosiologi seramai 37 orang (13.8%). Program Geografi dan Sejarah pula masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak 31 orang (11.5%) dan kemudian diikuti oleh program Sains Politik seramai 28 orang (10.4%) serta Sains Pembangunan seramai 12 orang (4.5%). Program Persuratan Melayu pula mencatatkan kekerapan seramai lapan orang (3.0%). Bilangan responden yang paling sedikit adalah daripada program Pengajian Bahasa Melayu iaitu seramai dua orang (0.7%). Secara keseluruhannya, pelajar Psikologi merupakan pelajar yang paling ramai melibatkan diri dalam kajian ini. Seterusnya diikuti dengan pelajar daripada program Kerja Sosial, Antropologi dan Sosiologi, Geografi, Sejarah, Sains Politik, Sains Pembangunan, Persuratan Melayu dan yang terakhir adalah dari Pengajian Bahasa Melayu.

Jadual 1 menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak memilih mana-mana faktor yang dikemukakan iaitu seramai 152 orang pelajar (56.5%) dan pengkaji mengandaikan responden tidak mengalami masalah dalam mengikuti kesukarelawanan. Seterusnya, ramai responden memilih faktor masa kerana tidak mengikuti aktiviti kesukarelawanan iaitu seramai 69 orang pelajar (25.7%) dan diikuti faktor pengangkutan iaitu sebanyak 34 orang (12.6%). Selain itu, faktor kewangan dan faktor motivasi masing-masing mencatatkan tujuh orang responden (2.6%).

Akhir sekali, berdasarkan Jadual 1.0 menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 183 orang (68.0%) memilih kekerapan 1-3 kali dalam mengikuti aktiviti kesukarelawanan dan diikuti dengan kekerapan sebanyak 4-7 kali iaitu seramai 37 orang (13.8%). Seterusnya, seramai 30 orang pelajar (11.2%) tidak mengikuti aktiviti kesukarelawanan sepanjang tahun 2018 hingga 2019 dan kekerapan sebanyak tujuh kali dan ke atas pula adalah seramai 19 orang (7.1%).

#### **4.2 Analisis Keterlibatan dalam aktiviti kesukarelawanan**

Berdasarkan Jadual 2, hasil kajian menunjukkan sebanyak 223 orang mahasiswa atau 82.9 peratus mahasiswa pernah terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Manakala sebanyak 46 orang mahasiswa atau 17.1 peratus tidak pernah terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan.

**JADUAL 2. Jumlah Keterlibatan Mahasiswa dalam Kesukarelawanan**

<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Ya	223	82.9
Tidak	46	17.1
<b>Jumlah</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

#### **4.3 Analisis Tahap Keyakinan Diri dan Kemahiran Insaniah Mahasiswa**

##### **4.3.1 Tahap Keyakinan Diri**

Jadual 3 menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa memiliki tahap keyakinan tinggi iaitu seramai 201 orang mahasiswa (74.7%) berada pada kategori ini. Seterusnya seramai 66 orang (24.5%) mahasiswa mempunyai tahap keyakinan yang sederhana manakala hanya terdapat dua orang sahaja (0.7%) mempunyai tahap keyakinan yang rendah.

**JADUAL 3. Tahap Keyakinan Diri**

<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Rendah	2	0.7
Sederhana	66	24.5
Tinggi	201	74.7
<b>Jumlah</b>	<b>269</b>	<b>100.0 %</b>

##### **4.3.2 Kemahiran Insaniah Mahasiswa**

###### **(a) Kemahiran komunikasi**

**JADUAL 4. Tahap Kemahiran Komunikasi**

<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus(%)</b>
Rendah	8	3.0
Sederhana	153	56.9
Tinggi	108	40.1
<b>Total</b>	<b>269</b>	<b>100.0%</b>

Jadual 4 menunjukkan kebanyakan mahasiswa memiliki tahap kemahiran komunikasi yang sederhana iaitu seramai 153 orang mahasiswa (56.9%). Seterusnya, seramai 108 mahasiswa (40.1%) memiliki tahap komunikasi yang tinggi dan diikuti pada tahap rendah iaitu seramai lapan orang mahasiswa (3.0%).

*(b) Kemahiran Menyelesaikan Masalah*

Berdasarkan Jadual 5, majoriti tahap kemahiran menyelesaikan masalah mahasiswa berada pada kategori tinggi iaitu seramai 200 orang mahasiswa (74.3%) dan diikuti seramai 67 orang mahasiswa (24.9%) pada tahap rendah. Seterusnya, hanya terdapat dua orang mahasiswa (0.7%) yang memiliki tahap kemahiran menyelesaikan masalah yang rendah.

JADUAL 5.Tahap Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	2	0.7
Sederhana	67	24.9
Tinggi	200	74.3
<b>Total</b>	<b>269</b>	<b>100.0%</b>

*(c) Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan*

Berdasarkan Jadual 6, kebanyakan mahasiswa memiliki tahap kemahiran bekerja dalam kumpulan yang tinggi iaitu seramai 173 orang (64.3%) dan seterusnya diikuti seramai 83 orang mahasiswa (30.9%) berada pada tahap sederhana. Berikutnya, seramai 13 orang mahasiswa (4.8%) memiliki tahap yang rendah bagi kemahiran bekerja dalam kumpulan.

JADUAL 6. Tahap Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	13	4.8
Sederhana	83	30.9
Tinggi	173	64.3
<b>Jumlah</b>	<b>269</b>	<b>100.0 %</b>

*(d) Kemahiran Kepimpinan*

Jadual 7 menunjukkan bahawa kebanyakan memiliki tahap kepimpinan yang tinggi iaitu seramai 178 orang mahasiswa (66.2%) dan diikuti tahap sederhana iaitu seramai 81 orang (30.1%). Seterusnya, hanya terdapat 10 orang mahasiswa (3.7%) memiliki tahap kepimpinan yang rendah.

JADUAL 7. Tahap Kemahiran Kepimpinan

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	10	3.7
Sederhana	81	30.1
Tinggi	178	66.2
<b>Jumlah</b>	<b>269</b>	<b>100.0 %</b>

*(e) Kemahiran Membuat Keputusan*

Jadual 8 menunjukkan majoriti mahasiswa memiliki tahap kemahiran yang tinggi dalam membuat keputusan iaitu seramai 194 orang (72.1%) dan seterusnya diikuti seramai 69 orang mahasiswa (25.7%) pada tahap sederhana. Berikutnya, seramai enam orang (2.2%) memiliki tahap yang rendah dalam membuat keputusan.

JADUAL 8. Tahap Kemahiran Membuat Keputusan

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	6	2.2
Sederhana	69	25.7
Tinggi	194	72.1
<b>Jumlah</b>	<b>269</b>	<b>100.0 %</b>

#### **4.4 Perbezaan Signifikan Keyakinan diri dan Kemahiran Insaniah Mahasiswa yang Terlibat dan Tidak Terlibat dalam Kesukarelawanian**

##### *4.4.1 Keyakinan Diri*

Jadual 9 menunjukkan bahawa perbezaan min untuk keyakinan diri mahasiswa yang terlibat dan tidak terlibat dalam aktiviti kesukarelawanian adalah signifikan,  $t(267)=.479$ ,  $k<0.05$ . Jika dilihat skor min, terdapat perbezaan di mana mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanian mempunyai skor min yang lebih tinggi iaitu 3.909 berbanding dengan skor min mahasiswa yang tidak mengikuti aktiviti kesukarelawanian iaitu 3.625. Dengan itu, hipotesis pertama yang menyatakan terdapat perbezaan signifikan antara mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawanian dan tidak mengikuti aktiviti kesukarelawanian diterima.

JADUAL 9 Perbezaan Keyakinan Diri Dalam Kalangan Mahasiswa yang Terlibat dan Tidak Terlibat dalam Kesukarelawanian.

Kesukarelawanian	n	Min	SP	Dk	t	Sig
Ya	223	3.909	.4696	267	3.674	.000**
Tidak	46	3.625	.4371			

##### *4.4.2 Kemahiran Insaniah*

###### *(a) Kemahiran Komunikasi*

Jadual 10 menunjukkan bahawa perbezaan min untuk kemahiran komunikasi mahasiswa yang terlibat dan tidak terlibat dalam aktiviti kesukarelawan adalah tidak signifikan  $t(267) = .479$ ,  $k>0.05$ . Jika dilihat daripada skor min, ternyata perbezaan min yang tidak ketara di mana kemahiran komunikasi mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawan adalah tinggi (3.574) berbanding yang tidak mengikuti kesukarelawan (3.526). Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan antara kemahiran komunikasi mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawan dan tidak mengikuti kesukarelawan dan hipotesis ini ditolak kerana tidak ada perbezaan yang signifikan.

**JADUAL 10.** Perbezaan Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Mahasiswa yang Terlibat dan Tidak Terlibat dalam Kesukarelawan.

<b>Kesukarelawan</b>	<b>n</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>dk</b>	<b>t</b>	<b>Sig</b>
<b>Ya</b>	223	3.574	.6266		.479	.632
<b>Tidak</b>	46	3..526	.5693			

*(b) Kemahiran Menyelesaikan Masalah*

Jadual 11 menunjukkan bahawa perbezaan min untuk kemahiran menyelesaikan masalah mahasiswa yang terlibat dan tidak terlibat dalam aktiviti kesukarelawan adalah tidak signifikan,  $t(267) = 1.127$ ,  $k<0.05$ . Jika dilihat daripada skor min, ternyata perbezaan min yang tidak ketara di mana kemahiran menyelesaikan masalah mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawan adalah tinggi (3.939) berbanding yang tidak mengikuti kesukarelawan (3.834). Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang tidak signifikan antara kemahiran menyelesaikan masalah mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawan dan tidak mengikuti kesukarelawan dan hipotesis ini ditolak.

**JADUAL 11.** Perbezaan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Dalam Kalangan Mahasiswa yang Terlibat dan Tidak Terlibat dalam Kesukarelawan.

<b>Kesukarelawan</b>	<b>n</b>	<b>X</b>	<b>SP</b>	<b>dk</b>	<b>t</b>	<b>Sig</b>
<b>Ya</b>	223	3.939	.5157		.127	.261
<b>Tidak</b>	46	3.843	.47312			

*(c) Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan*

Jadual 12 menunjukkan bahawa perbezaan min untuk kemahiran bekerja dalam kumpulan, mahasiswa yang terlibat dan tidak terlibat dalam aktiviti kesukarelawan adalah tidak signifikan iaitu,  $t (267) = .979$ ,  $k<0.05$ . Jika dilihat daripada skor min, ternyata perbezaan min yang tidak ketara di mana kemahiran bekerja dalam kumpulan mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawan adalah tinggi (3.783) berbanding yang tidak mengikuti kesukarelawan (3.678). Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang tidak signifikan antara kemahiran bekerja dalam kumpulan mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawan dan tidak mengikuti kesukarelawan dan hipotesis ini ditolak.

**JADUAL 12.** Perbezaan Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan Bagi Kalangan Mahasiswa yang Terlibat dan Tidak Terlibat dalam Kesukarelawan.

<b>Kesukarelawan</b>	<b>n</b>	<b>X</b>	<b>SP</b>	<b>dk</b>	<b>t</b>	<b>Sig</b>
<b>Ya</b>	223	3.783	.6625		.979	.328
<b>Tidak</b>	46	3.678	.6818			

*(d) Kemahiran Kepimpinan*

Jadual 13 menunjukkan bahawa perbezaan min untuk kemahiran kepimpinan, mahasiswa yang terlibat dan tidak terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan adalah tidak signifikan,  $t$  (267) = .733,  $k < 0.05$ . Skor min kemahiran kepimpinan mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawanan adalah tinggi (3.8206) berbanding yang tidak mengikuti kesukarelawanan (3.7435). Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang tidak signifikan antara kemahiran kepimpinan mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawanan dan tidak mengikuti kesukarelawanan dan hipotesis ini ditolak kerana perbezaan yang tidak signifikan.

JADUAL 13. Perbezaan Kemahiran Kepimpinan Dalam Kalangan Mahasiswa yang Terlibat dan Tidak Terlibat dalam Kesukarelawanan

Kesukarelawanan	n	x	SP	dk	t	Sig
Ya	223	3.8206	.6615		267	.733
Tidak	46	3.7435	.5897			.464

*(e) Kemahiran Membuat Keputusan*

Jadual 14 menunjukkan bahawa perbezaan min untuk kemahiran membuat keputusan, mahasiswa yang terlibat dan tidak terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan adalah tidak signifikan,  $t$  (267) = 1.628,  $k < 0.05$ . Skor min kemahiran membuat keputusan dalam kumpulan mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawanan adalah tinggi (3.912) berbanding yang tidak mengikuti kesukarelawanan (3.752). Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang tidak signifikan antara kemahiran kepimpinan mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawanan dan tidak mengikuti kesukarelawanan dan hipotesis ini ditolak kerana perbezaan yang tidak signifikan.

JADUAL 14. Perbezaan Kemahiran Membuat Keputusan Kalangan Mahasiswa yang Terlibat dan Tidak Terlibat dalam Kesukarelawanan

Kesukarelawanan	n	x	SP	dk	t	Sig
Ya	223	3.912	.6073		267	1.628
Tidak	46	3.752	.6024			.105

#### 4.5 Perbincangan

Bahagian ini membincangkan mengenai analisis yang telah diperoleh daripada dapatan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden menyertai aktiviti kesukarelawanan namun terdapat sebahagian kecil responden yang tidak pernah mengikuti aktiviti. Kajian ini selari dengan kajian (Aizuddin 2017), di mana kelima-lima responden beliau mengikuti aktiviti kesukarelawanan dan menyatakan bahawa mereka mempunyai kaedah pembelajaran serta pembahagian masa belajar dan beraktiviti yang efektif sebagai langkah memperoleh kejayaan cemerlang dalam bidang pembelajaran dan mereka tidak menjadikan faktor pembelajaran sebagai satu halangan dalam mengikuti aktiviti kesukarelawanan. Menurut Fauziah, Aizan dan Tharshini (2015), keterlibatan mahasiswa dengan aktiviti kesukarelawanan dilihat sebagai petanda yang baik ke arah pembentukan pemikiran yang positif dan pembangunan personaliti

yang mantap dalam kalangan mahasiswa yang merangkumi keyakinan diri dan kemahiran insaniah pelajar.

Hasil kajian juga mendapat tahap keyakinan diri responden adalah pada tahap tinggi dan sebahagian responden berada pada tahap sederhana dan rendah. Kajian ini bercanggah dengan kajian Markus (2019) di mana majoriti responden beliau memiliki tahap keyakinan yang sederhana terutamanya dalam aspek komunikasi. Hal ini di pengaruhi oleh tahap penguasaan individu dalam kemahiran yang sedia ada mengikut keperluan keadaan semasa (Azlan & Hasriani 2008). Dalam konteks kajian ini, tahap keyakinan diri turut dipengaruhi oleh penguasaan dalam kemahiran-kemahiran kesukarelawanan terutamanya kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran membuat keputusan.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti tahap kemahiran insaniah responden dalam aspek komunikasi berada pada tahap sederhana manakala kemahiran-kemahiran lain iaitu kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran membuat keputusan berada pada tahap tinggi. Kajian ini selari dengan kajian Aizuddin (2017) yang menyatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan memberi pelbagai kesan positif kepada responden beliau. Penglibatan di dalam pelbagai aktiviti sukarelawan memberi peluang kepada para sukarelawan untuk mengaplikasikan pelbagai ilmu dan kemahiran yang ada pada diri mereka. Melalui pelbagai jaringan hubungan dan sumbangsan yang disalurkan semasa aktiviti, sama ada dalam bentuk tenaga, masa, idea, pengalaman, kemahiran atau kepakaran serta idea, mereka akan mempelajari perkara baru dan juga meningkatkan tahap ilmu dan kemahiran sedia ada.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi keyakinan diri mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawanan dan tidak mengikuti aktiviti kesukarelawanan. Kajian ini memperlihatkan kepentingan aktiviti kesukarelawanan dalam mendedahkan ilmu pengetahuan yang mampu meningkatkan tahap keyakinan diri mahasiswa. Dengan itu, kajian ini membuktikan bahawa dengan mengikuti aktiviti kesukarelawanan keyakinan diri mahasiswa mampu ditingkatkan. Kajian ini selari dengan kajian Malkan dan Amat (2018) di mana responden beliau memiliki tahap keyakinan yang rendah kerana faktor individu itu sendiri yang masih kurang ilmu pengetahuan dan tidak mencari inisiatif untuk memperbaiki diri sehingga menyebabkan mereka berniat membunuh diri.

Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang tidak signifikan bagi kelima-lima aspek kemahiran insaniah (kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran membuat keputusan) terhadap mahasiswa yang mengikuti aktiviti kesukarelawanan dan tidak mengikuti aktiviti kesukarelawanan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti kesukarelawanan ini bukanlah faktor utama dalam meningkatkan kemahiran insaniah kerana kemahiran insaniah mahasiswa yang mengikuti dan tidak mengikuti aktiviti kesukarelawanan tidak memperlihatkan perbezaan. Faizullah (2014), menyatakan dalam kajianya bahawa kemahiran insaniah mampu ditingkatkan melalui aktiviti kokurikulum dan kokurikulum juga memainkan peranan penting selain menjadi pelengkap kepada kurikulum atau akademik sedia ada pelajar. Dengan gabungan dan peranan yang dimainkan antara kedua-dua elemen kurikulum dan kokurikulum akan dapat memberi nilai tambah atau kemahiran-kemahiran yang tidak dapat dipelajari mahasiswa melalui kurikulum atau akademik.

## 5. Rumusan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, melalui kajian ini dapat dirumuskan bahawa sebahagian besar responden mempunyai tahap keyakinan diri dan tahap kemahiran insaniah yang tinggi. Namun, terdapat juga sebilangan kecil mahasiswa yang masih bemasalah dalam meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran insaniah. Melalui kajian ini, kalangan mahasiswa akan lebih cakna mengenai isu semasa agar mereka lebih mudah mengadaptasikan diri dan mencapai hidup yang sejahtera terutamanya apabila memasuki alam pekerjaan.

Oleh demikian, permasalahan kajian ini tidak sepatutnya dipandang remeh oleh pelbagai pihak. Cadangan bagi mengatasi masalah ini adalah dengan cara melalui penglibatan aktif daripada pihak kolej kediaman untuk menubuhkan kelab-kelab kesukarelawanan bagi menarik minat pelajar terutamanya pelajar tahun satu. Selain itu, pihak universiti seharusnya menjalinkan hubungan dua hala bersama pihak luar seperti agensi-agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan sama ada untuk menyediakan sumber tenaga sukarela ataupun sumber manusia untuk diserap ke dalam agensi dan organisasi tersebut. Kerjasama dua hala ini akan mewujudkan jaringan hubungan yang lebih lagi kepada mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Rujukan

- Allo, M. D. G., & Priawan, A. (2019). Students' Self-Confidence in Speaking Skill. *Jurnal Studi Guru dan Pembelajaran*, 2(1).
- Atjeng, H. A. (2008). Faktor-faktor yang mempengaruhi keyakinan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar (Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia).
- Anuar, A. A., & Esa, A. (2010). Penerapan Kemahiran Insaniah Di Pusat Giat MARA (PGM): Satu Analisis Perbandingan” Dalam A. Esa & MZ Mustafa [Eds]. Kemahiran.
- Ibrahim, F., & Amin, A. S. (2015). Penglibatan Dan Motivasi Kesukarelawanan: Ke Arah Memupuk Semangat Kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa. *e-Bangi*, 12(1).
- Hannula, M.S., Maijala, M. & Pehkonen, E. (2004). Development of Understanding Self- Confidence in Mathematics; Grades 5–8. Group for The Psychology of Mathematics Education. Vol. 3, P.p. 17-24.
- Insaniah: Kajian Institusi-Institusi Pengajian. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM [Universiti Tun Hussein Onn Malaysia], Ms, 1-19.
- Jumaatol. H. B. (2006). Study Use of Generic Skills in The Process of Teaching and Learning In Schools, Exercise Science. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2006). Garis Panduan Modul Pembangunan Insan (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.
- Mohamad H. I. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah Di Malaysia: Tinjauan Dari Perspektif Majikan. Prosiding Perkem VII: 906-913.
- Raj, K. P. (2012). Learn Soft Skills During College Years. Sue Carney. Reader'sDigest.Malaysia. Reader's Digest Asia Pte. Ltd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). <http://www.mow.gov.my>
- Malkan, S. N. A., & Amat, S. (2018). Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar Kolej Terhadap Niat Bunuh Diri (Knowledge and Understanding of College Students on the Intention to Commit Suicide). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 10(1), 29-48.

- M. A. Zamzam. (2017). Penglibatan Mahasiswa Secara Aktif Dalam Aktiviti Sukarelawan Dan Kesan Terhadap Pencapaian Akademik: Suatu Kajian Kes Di Fakulti Sains Sosial Gunaan (Fssg), Unisza Gong Badak.
- M. Faizullah. (2014). Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Konteks Membina Insan Berkepimpinan Di Kalangan Pelajar Melalui Aktiviti Kokurikulum Di Universiti. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Mohd H. Y., Mohd H. A. & Nurhidayani A. W. Hubungan Penguasaan Bahasa Inggeris Dengan Tahap Keberkesanan Kemahiran Insaniah Pelajar Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20 (1), 67-77.
- Musitar, F. N., Dan Zainal, A. H. M. H., & Zainuddin, A. (2014). Penilaian Kendiri Pelajar Terhadap Kemahiran Generik Melalui Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Badan Beruniform (Doctoral Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Molloy, A. (2010). Coach Your Self Mimpi Tercapai, Target Terpenuhi. (Terjemahan Retnadi Nur'aini Dari Aspiration: 8 Easy Steps to Coach Yourself to Succes). Jakarta: Raih Asa Sukses.
- Nur G. & Rini R.S. (2011). Teori-Teori Psikologi. Jogjakarta: Ar-Ruzz Media.
- Nordin, A., & Ling, L. H. (2011). Hubungan Sikap Terhadap Mata Pelajaran Sains Dengan Penguasaan Konsep Asas Sains Pelajar Tingkatan Dua. *Journal of Science & Mathematics Educational*, 2, 89-101.
- Rohani, A. (2015). Kearifan Tempatan Profesional Guru Dalam Menerapkan Kemahiran Insaniah Di Dalam Bilik Darjah. Universiti Sains Malaysia.
- Wan Z. W. I., Mohd H. M. & Fathuddin A.C. M. A. (2018). Kajian Kes ImpakKesukarelawanan Tvet Di Kalangan Pelajar Politeknik Kota Bharu: *Politeknik Kota Bharu KM 24 Pangkal Kalongketereh, Kelantan, Malaysia*.